

UMS anjur persidangan ISEE-AWPC dan ISES AC-2024

UB 28.06.2024 P.06

KOTA KINABALU: Kira-kira 500 peserta menyertai dua persidangan antarabangsa anjuran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Persidangan berkenaan dikenali sebagai 'Joint Conference of the International Society of Environmental Epidemiology Asia and Western Pacific Chapter (ISEE-AWPC)' dan 'The International Society for Exposure Science Asia Chapter (ISES-AC) 2024'.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor, berkata penganjuran persidangan itu bertepatan dengan keperluan masa kini untuk membincang tentang perubahan iklim yang melanda dunia.

Katanya, walaupun cabaran dalam perubahan iklim sangat besar, namun ia juga memberi ruang kerjasama silang disiplin dalam inovasi



ILMU: Persidangan ISEE – AWPC dan ISES-AC 2024 yang mendapat sambutan menggalakkan.

untuk menyelesaikannya.

“Tahun ini amat istimewa kerana UMS menyambut ulang tahun penubuhan ke-30.

“Kami berpegang kepada prinsip ‘mengakar citra ilmu, melangit tamadun bangsa’ yang mencerminkan komitmen UMS tidak berbelah bahagi terhadap kecemerlangan, inovasi dan kewarganegaraan global.

“Justeru, saya yakin penganjuran persidangan



ini memberi hasil yang dapat mempengaruhi penggubalan dasar dan memberi inspirasi kepada tindakan di semua peringkat masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan persidangan tersebut. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Dekan FPSK, Datuk Mohd

AMANAT: Mohd Yusof ketika berucap membacakan teks ucapan Kasim.

Yusof Ibrahim.

Kasim turut mempelawa semua ahli akademik dan profesional untuk meneroka peluang pengajian dan kerjasama dengan UMS.

“Kami komited untuk mengembangkan asas pengetahuan kami, memupuk penyelesaian inovatif dan bekerjasama dengan institusi di seluruh dunia untuk mengurangkan kesan perubahan iklim.

“Maka, kami mengalu-alukan pelajar dan penyelidik dari seluruh dunia untuk menyertai kami dalam misi penting ini,” katanya.

Turut hadir Pengerusi Persidangan ISEE-AWPC dan ISES-AC. Dr. Zulkhairul Naim Sidek Ahmad; Presiden MySEE, Dr. Norlen Mohamed; Presiden ISEE, Profesor Dr. Nelson Gouveia dan Ketua Pegawai Penyelidik Institute for Development Studies (IDS), Richard T. Koh.